



Submission date: 09/06/2023 Accepted date: 11/09/2023 Published date: 01/10/2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.544>

PERJUANGAN DAN PENDEKATAN DAKWAH EBIT LEW KEPADA GOLONGAN ASNAT DI MALAYSIA

The Struggle and Approach of Ebit Lew's Dakwah To The Asnaf Group in Malaysia

Kartina Sari Abd Karim^a & Muhammad Azizan Sabjan^{b1}

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang,
Malaysia.

mazizan@usm.my¹

Abstrak

Golongan asnaf terdiri daripada faqir dan miskin mempunyai bahagian tertentu dalam zakat. Bilangan mereka semakin meningkat berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terpaksa dikuatkuasakan bagi mengekang penularan wabak COVID19. Kajian ini menganalisis perjuangan dan pendekatan dakwah Ebit Irawan bin Ibrahim Lew dalam menjalankan dakwah dan menghulurkan bantuan kepada golongan asnaf di Malaysia. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis dapatan data secara diskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan perjuangan dan pendekatan dakwah Ebit Lew dalam melaksanakan dakwah dan membela nasib golongan asnaf wajar dicontohi pada pelbagai peringkat dakwah dan misi kemanusiaan. Tuntasnya, perjuangan dan pendekatan dakwah beliau bersifat pro-aktif. Karenah birokrasi mahupun prosedur dan protokol yang tidak berkesudahan diketepikan. Sebaliknya, beliau turun padang dan menghulurkan bantuan secara langsung kepada mereka yang memerlukan. Tegasnya, kaedah sebegini sewajarnya dijadikan teladan dalam membasmi kemiskinan dan memperkasakan ekonomi ummah serantau di Malaysia secara bersasar dan menyeluruh.

Kata kunci: Ebit Lew, dakwah, asnaf, kemiskinan, misi kemanusiaan

Abstract

The asnaf group of the poor and needy has a particular share in zakat. They are increasing following the Movement Control Order (MCO), which had to be enforced to curb the spread of the COVID-19 epidemic. This study analyzes the struggle and

approach of Ebit Irawan bin Ibrahim Lew in carrying out da'wah and extending help to the asnaf group in Malaysia. The study utilizes a qualitative method by analyzing data findings descriptively. The findings of the study show that the struggle and approach of Ebit Lew's da'wah in carrying out da'wah and defending the plight of the asnaf group should be emulated at various levels of da'wah and humanitarian missions. In a strict sense, his struggle and da'wah approach are pro-active. Complicated bureaucracy and endless procedures and protocols are set aside. Instead, he went to the field and directly helped those in need. Strictly speaking, this method should be exemplified in eradicating poverty and empowering the economy of the regional community in Malaysia in a targeted and comprehensive manner.

Keywords: Ebit Lew, da'wah, asnaf, poverty, humanitarian missions

PENDAHULUAN

Golongan asnaf dikenali sebagai sekumpulan kecil dalam kalangan muslimin dan muslimat yang layak menerima zakat seperti yang termaktub dalam surah Al-Taubah (9) ayat 60:

﴿إِنَّمَا الْأَصَدُقُ لِلْفَقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَلَمِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْعَرْمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنَى السَّبِيلَ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ﴾

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil, dan orang-orang muallaf yang dilunakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang terputus) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Golongan asnaf terdiri daripada golongan fakir, orang-orang miskin, amil-amil, golongan saudara baru, riqab, gharimin, golongan fisabilillah dan orang-orang yang bermusafir yang terputus bekalannya. Zakat yang diberikan kepada golongan asnaf bukanlah suatu bentuk bantuan ihsan semata-mata malah membawa pengertian yang luas dan tersendiri. Hal ini demikian kerana zakat dapat menyucikan harta dan menyingkirkan sifat-sifat kedekut dan bakhil bagi si pemberi sementara bagi penerima zakat pula dapat menghalang mereka daripada berprasangka buruk atau berhasad dengki terhadap orang kaya (Faudah Johari, 2004). Selain daripada sumber agihan zakat, golongan asnaf turut dibantu melalui pemberian sedekah, hadiah dan wakaf sebagai suatu bentuk pengagihan semula dalam sistem ekonomi Islam.

Walaupun zakat telah diperuntukkan kepada kelapan-lapan golongan asnaf di atas, namun kelompok fakir dan miskin secara jelasnya menerima agihan zakat yang lebih berbanding kumpulan asnaf yang lain. Senario ini menunjukkan bahawa masalah kemiskinan masih berakar umbi dalam masyarakat kita walaupun pelbagai inisiatif dan bantuan rakyat telah disediakan oleh pihak kerajaan mahupun swasta dari semasa ke semasa. Masalah kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, taraf pendidikan yang rendah, kesempitan harta benda, masalah kesihatan, sumber makanan dan pakaian yang terhad, tempat tinggal yang tidak selesa dan tiada pekerjaan yang tetap merupakan isu yang perlu dibendung dengan sewajarnya (Norzita Jamil, 2004). Konsep kemiskinan sangat berkait dengan golongan asnaf yang rata-ratanya tidak mampu memenuhi keperluan asas apatah lagi menikmati kemudahan sosial walaupun pada tahap yang minimum (Nurazynie Herman, 2019). Krisis sosioekonomi ini jika tidak dikawal dan dibendung akan membantutkan peluang pendidikan anak-anak dan memungkinkan kemiskinan diwarisi secara kekal.

Salah seorang tokoh pendakwah bebas yang terkenal dengan misi bantuan kemanusiaan terhadap golongan asnaf di Malaysia ialah Ebit Irawan bin Ibrahim Lew. Beliau merupakan seorang aktivis masyarakat yang sangat berpengaruh di negara kita sehingga mencetuskan suatu fenomena baharu dalam dunia dakwah Islam Perjuangan Ebit Lew berjaya diperluaskan dan dimanfaatkan kepada pelbagai golongan sasaran tanpa mengira bangsa dan agama. Gagasan pemikiran beliau yang unik dan inovatif telah mengubah kebiasaan masyarakat kita yang dahulunya pasif kepada suatu pembentukan komuniti baru yang progresif. Sumbangan beliau terhadap fakir dan miskin dapat diterjemahkan apabila mereka dapat membaiki taraf hidup sendiri malah menyumbang pula kepada pembangunan ekonomi ummah dan berbakti kepada negara tercinta. Semangat juang Ebit Lew kini menjurus kepada kebangkitan era dakwah yang berpotensi untuk terus dibangunkan apabila golongan asnaf mendapat pembelaan yang sewajarnya.

METODOLOGI

Penulisan ini bertujuan untuk memfokus dan membincangkan mengenai perjuangan dan pendekatan dakwah Ebit Lew terhadap golongan asnaf di negara ini. Metode kajian yang digunakan ialah kajian yang berbentuk kualitatif. Ia merujuk kepada metode analisis kandungan yang di antaranya menganalisis karya dan penulisan Ebit Lew, mengkaji sumber media massa, sosial media dan sebagainya. Pengumpulan data melalui analisis kandungan dapat memberi maklumat yang relevan kepada permasalahan dan isu yang dikaji. Perbincangan turut diolah mengenai sejahteran langkah beliau dapat dicerap dalam bentuk misi kemanusiaan bukan sahaja terhadap golongan asnaf malah terhadap semua golongan yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama di Malaysia ini.

LATAR BELAKANG PERJUANGAN EBIT LEW

Biodata Ebit Lew

Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau dilahirkan pada 21 Disember 1984 dan berasal dari Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur. Beliau merupakan anak kesepuluh daripada dua belas orang adik-beradik. Ayah beliau, Ibrahim Lew yang berketurunan Cina menganut Islam ketika mengahwini ibu, Syamsinar Binti Hakim yang berbangsa Melayu dari Jakarta, Indonesia. Enam orang adik-beradik beliau daripada perkahwinan ayahnya yang terdahulu masih beragama Buddha (Ebit Lew, 2012). Beliau dibesarkan dalam keluarga yang senang di mana ayah beliau merupakan seorang pengusaha ladang. Namun, setelah perniagaan ayah beliau merosot, mereka sekeluarga telah hilang mata pencarian. Ibu beliau terpaksa bekerja sebagai seorang tukang masak di restoran bagi menampung keperluan mereka sekeluarga. Kehidupan Ebit Lew di kampus juga sukar malah menghadapi masalah dalam membiayai kos pengajian. Di sebalik semua ujian tersebut, ibu beliau tidak putus-putus memberi perangsang kepada beliau untuk tekun belajar tanpa menghiraukan perkara-perkara lain (Ebit Lew, 2018).

Ebit Lew mempunyai pengalaman yang lebih mencabar setelah memasuki alam pekerjaan. Beliau menjalani kehidupan dengan serba kekurangan. Beliau pernah menjual jering dan kerdas di pasar malam dan bekerja di kilang dengan pendapatan kasar sebanyak beberapa ratus ringgit sahaja. Penampilan beliau yang selekeh pada waktu itu seperti berkasut buruk dan tidak berstoking menyebabkan beliau sukar mendapatkan pekerjaan. Beliau juga pernah tidur di masjid dan di atas guni serta solat beralaskan kotak (Ebit Lew, 2018). Walaupun berat ujian hidup yang dijalani, beliau tidak pernah lupa untuk bersedekah. Sepinggan nasi yang diperoleh tetap dikongsikan bersama orang lain. Duit gaji berjumlah RM800 semuanya diberikan buat ibu tercinta sebagai tanda kasih dan sayang seorang anak. Begitulah cara beliau menunjukkan erti kesyukuran yang sebenar dengan bersedekah di kala susah mahupun senang.

Yakin dengan janji Allah, perubahan demi perubahan berlaku dalam hidup beliau. Pengalaman beliau bekerja di Excel Training & Consultancy selama 4 tahun sebagai perunding latihan dan penceramah motivasi menjadi titik permulaan kepada kejayaan beliau. Pada tahun 2010, beliau akhirnya berjaya menubuhkan syarikat rundingannya sendiri iaitu Transform Training & Consultancy. Rezeki yang tidak putus-putus dimanfaatkan dan dikongsikan bersama golongan yang amat memerlukan di seluruh negara tanpa mengira latar belakang agama dan budaya. Bagi menghargai segala usaha beliau membantu insan yang terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (Astro Awani, 2020), tanggal 15 Ogos 2020 menyaksikan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah berbesar hati menyampaikan Anugerah Khas Hari Belia Negara 2020 kepada beliau. Ebit Lew juga mendapat undian tertinggi dalam Anugerah

Meletop ERA (AME) yang melayakkan beliau untuk menerima Anugerah Wira AME pada 20 Disember 2020 (MyBuzz, 2020).

Keterlibatan Dalam Medan Dakwah

Cita-cita Ebit Lew untuk menjadi manusia yang paling bermanfaat merupakan faktor pendorong agar beliau terus berdakwah memperjuangkan nasib golongan asnaf di negara kita. Segala kelebihan yang dimiliki digunakan sehabis baik untuk berbakti kepada segenap lapisan masyarakat yang memerlukan agar mereka juga tidak terkecuali untuk menerima dan menikmati kebaikan yang ingin disampaikan. Rasulullah SAW bersabda:

وَخَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

“Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat bagi manusia yang lain.”

(Riwayat Ibn Hibban)

Berdasarkan hadith ini, kita amat digalakkan untuk sentiasa mendatangkan manfaat kepada orang lain dalam rangka menjadi manusia yang paling baik. Oleh sebab itulah, beliau sering dilihat konsisten dalam menyalurkan bantuan yang tidak hanya terhad kepada pemberian berbentuk fizikal semata-mata. Beliau turut berkorban masa, tenaga dan buah fikiran apabila beliau sendiri turun ke lapangan bagi menguruskan pengagihan bantuan.

Keterlibatan Ebit Lew dalam dakwah golongan asnaf merupakan salah satu amal mujahadah atau amal darjat (Abdul Manam, 2019) yang dilakukan bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Beliau yakin dengan memberikan manfaat kepada orang lain dapat menyucikan hati dan meraih makrifat terhadap Allah SWT di samping mengharapkan ganjaran pahala di sisi-Nya. Kesungguhan beliau membantu orang yang ditimpa kesulitan atau terjebak dengan sesuatu kemungkaran, secara tidak langsung telah menarik mereka kepada suasana hidup yang lebih baik dan diredhai-Nya. Menurut beliau, amal makruf dan nahi mungkar yang sentiasa ditegakkan di jalan dakwah akan menjadi asbab turunnya rahmat dan kasih saying Allah SWT (Huda Hussain, 2020). Oleh hal yang demikian, kedudukan di sisi Allah SWT akan sentiasa dapat diperbaharui dan ditingkatkan apabila semakin banyak amal kebajikan dilakukan bagi memudahkan urusan orang lain.

Berbeza dengan aktivis-aktivis kemasyarakatan yang lain di negara kita, Ebit Lew sentiasa mengajak lebih ramai orang untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik yang mungkin tidak disedari selama ini. Kecenderungan beliau berkongsi kejadian yang berlaku di sebalik tabir kerja-kerja khidmat masyarakat yang dijalankan di pelbagai rangkaian media sosial dan rakan penyiaran tanah air bertujuan untuk

menarik pihak-pihak yang berminat untuk turut serta menyumbang. Dengan itu, bantuan yang sewajarnya dapat diperluaskan secara lebih menyeluruh bagi mencakupi semua penduduk yang memerlukan di setiap negeri di Malaysia. Contoh yang ditonjolkan oleh beliau telah membuka minda dan mengubah mentaliti masyarakat kita agar berani untuk tampil ke hadapan bagi menjayakan misi bantuan dan kemasyarakatan yang seumpama dengannya.

Ebit Lew juga beriltizam untuk menjadi suri tauladan dalam dakwah golongan asnaf di negara kita. Kehadiran beliau di tengah-tengah komuniti masyarakat adalah sebagai contoh yang sangat berpotensi untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan hidup pada memberi. Bersesuaian dengan hadith daripada Abi Mas'ud radhiyallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ دَلَّ عَلَىٰ خَيْرٍ فَإِلَهُ مِثْلُ أَجْرٍ فَاعْلِمْ

“Barang siapa yang menunjukkan sesuatu kebaikan maka dia memperoleh pahala sama seperti yang melakukannya.”

(Riwayat Muslim)

Begitu besarnya ganjaran yang disediakan kepada sesiapa yang menunjukkan suatu jalan kebijakan yakni persis sebanyak pahala orang yang mengikutinya tanpa dikurangi sedikitpun pahala mereka. Malahan, amalan kebaikan akan sentiasa tertulis secara berterusan selagi mana mereka yang mengikutinya mengerjakan amal soleh tersebut. Beliau mensasarkan agar khidmat masyarakat yang dipelopori oleh beliau akan sentiasa diteruskan dan mempunyai kelangsungannya walaupun sesudah ketiadaan beliau (Fatin Farhana, 2020).

Di samping Ebit Lew menyampaikan mesej-mesej dakwah dan tarbiyyah dalam setiap misi bantuan kemanusiaan yang dijalankan, beliau juga memikul tanggungjawab yang besar untuk menyebarluaskan kasih sayang sesama manusia. Berdasarkan perspektif dan sudut pandangan beliau, setiap ujian atau dugaan yang menimpa hanyalah mempunyai satu tujuan yakni agar kita semua semakin berkasih sayang. Beliau berusaha sedaya upaya untuk memahamkan masyarakat yang diulit dengan kesulitan hidup agar menerima sebarang musibah yang menimpa sebagai suatu bentuk rahmat dan kasih sayang daripada Allah SWT buat para hamba-Nya. Bahkan, Allah SWT telah memberikan jaminan-Nya berkenaan perkara ini dalam surah Al-Insyirah (94) ayat 5 dan 6:

فَإِنْ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

“Sesungguhnya, berserta dengan kesulitan adanya kemudahan. Sesungguhnya berserta dengan kesulitan adanya kemudahan.”

Kehadiran figura yang sangat disenangi ramai ini ternyata amat dinantikan oleh masyarakat setempat kerana dengan kehadirannya sahaja sudah mampu mengukir senyuman di wajah mereka. Itulah faktor penguat bagi Ebit Lew untuk sentiasa berada di jalan dakwah bagi memberikan khidmat bakti kepada golongan asnaf di Malaysia termasuklah masyarakat bukan Melayu yang hidup dalam serba kekurangan. Beliau komited untuk menggembirakan saudaranya setiap kali beliau mengangkat kesusahan yang ditanggung oleh mereka yang diuji melalui pertolongan dan sumbangan yang disalurkan. Terdapat hadith yang diriwayatkan oleh Siti Aisyah rha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَدْخَلَ عَلَىٰ أَهْلِ بَيْتٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ سُرُورًا لَمْ يَرْضَ لَهُ اللَّهُ تَوَابًا دُونَ الْجَنَّةِ

“Sesiapa yang menggembirakan mana-mana saudara muslim, maka Allah tidak akan memberinya pahala tanpa diberikan juga syurga.”

(Riwayat al-Tabrani)

Setiap rezeki yang dikongsikan berjaya mengikat hati-hati mereka seolah-olah telah terjalin hubungan kekeluargaan sejak sekian lamanya. Kasih sayang yang terjalin ini akhirnya akan membentuk perpaduan yang dapat memacu kekuatan ummah sejagat.

Cabaran Dan Impak Pencapaian Dakwah

Ebit Lew menjalankan gerak kerja dakwah dengan penuh tekanan dan cabaran. Tindakan beliau memuat naik bantuan yang diberikan secara terbuka untuk tatapan umum kurang disenangi oleh segelintir pihak. Mereka berpendapat bahawa beliau sewajarnya menyampaikan bantuan secara beradab, bersembunyi dan tidak menunjuk-nunjuk. Antaranya ialah Ustaz Abu Syafiq yang berpendapat bahawa haram menyiaran gambar dan video orang miskin atau penerima sumbangan kerana tindakan tersebut akan menjatuhkan air muka serta mengaibkan mereka yang terlibat. Kontroversi yang menimpa Ebit Lew menjadi tular sehingga menarik perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang terbuka untuk mengadakan pertemuan dengan beliau untuk mencari solusi terbaik berkaitan urusan bantuan yang menjadi dilema rakyat, termasuklah umat Islam (Syed Azwan Ali, 2020). Sungguhpun begitu, beliau mendapat sokongan yang padu daripada masyarakat pelbagai kaum yang mengharapkan usaha murni beliau akan berterusan.

Ebit Lew pernah dipanggil oleh pihak berkuasa untuk memberi keterangan di Balai Polis Bukit Aman pada 24 April 2020 berikutan reaksi orang awam mengenai tindakannya memaparkan kerja-kerja kebajikan ketika negara masih dalam tempoh PKP. Insiden ini berlaku susulan laporan polis yang dibuat ke atas beliau oleh beberapa pihak yang ternyata kurang senang dengan pendekatan beliau yang memberi sumbangan kepada para petugas barisan hadapan dan golongan yang memerlukan berikutan pandemik COVID 19. Beliau juga tidak dibenarkan untuk meneruskan misi bantuan di pulau-pulau di Semporna, Sabah untuk mengelakkan hukuman sama ada didenda sebanyak RM100 ribu atau penjara selama 3 tahun (Ebit Lew Supporters, 2 Februari 2021). Rentetan itu, beliau terpaksa menangguhkan pembinaan sekolah atau pusat kegunaan masyarakat setempat yang telah dirancang buat semua penduduk Bajau Laut iaitu kumpulan manusia tanpa negara yang telah diislamkan.

Terdahulu, Ebit Lew yang menziarahi sepasang suami isteri yang uzur di sebuah rumah yang hampir roboh di Kampung Tapang, Kota Bharu telah memindahkan mereka sekeluarga setelah 20 tahun menumpang di tanah orang. Keadaan kesihatan mereka yang merosot ditambah pula dengan kepayahan bekerja menyukarkan kehidupan sehari-hari mereka. Lawatan beliau mendapat serangan balas daripada Ahli DUN Panchor merangkap Timbalan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Ustaz Dato' Haji Mohd Amar Bin Nik Abdullah yang mengatakan bahawa, "Kebaikan yang tidak berakal akan mencetuskan fitnah yang berangkai" (Nik Amar, 14 Mei 2020). Tindakan Ebit Lew yang terus membantu penduduk di kawasan beliau tanpa merujuk kepada pihaknya terlebih dahulu seolah-olah memberi gambaran bahawa beliau tidak peka menangani isu berkenaan.

Ebit Lew yang menyediakan perkhidmatan bas untuk membawa pulang ratusan pelajar dalam tempoh PKP terpaksa menangguhkan 20 buah bas sehingga diberi kelulusan oleh Naib Canselor Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Beliau menerima kenyataan rasmi daripada Majlis Perwakilan Pelajar UPSI yang memberi peringatan kepada beliau agar mematuhi segala peraturan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) berikutan polemik COVID 19 (Ebit Lew Supporters, 4 Oktober 2020). Beliau telah dihubungi dan diminta agar mengemukakan permohonan maaf secara terbuka kerana bertindak tanpa memohon kebenaran daripada pihak pengurusan UPSI yang berkait juga dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam memastikan keselamatan para pelajar sepanjang perjalanan pulang ke kampung masing-masing. Apabila mengenangkan bahawa beliau juga pernah menghadapi kesukaran sewaktu belajar dahulu beliau tidak berfikir panjang untuk tampil menghulurkan bantuan. Namun, beliau tetap akur dengan senario semasa yang menuntut agar segala tatacara keselamatan dipatuhi.

PENDEKATAN DAKWAH EBIT LEW KEPADA GOLONGAN ASNAF

Dalam usaha menyemarakkan dakwah terhadap golongan asnaf, Ebit Lew sentiasa bersumberkan firman Allah SWT berikut:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَسَنَةِ وَجَذَّابِهِمْ بِإِنَّهِ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ١٢٥

Maksudnya: “*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan-mu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.*” (Surah An-Nahl, 16:125)

Sememangnya terdapat banyak hadis saih Rasulullah SAW mengenai dakwah yang dijadikan panduan oleh Ebit Lew. Antara yang boleh dipetik disini ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani, Rasulallah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa tidak mempedulikan urusan orang Muslim, maka dia bukanlah daripada golongan orang Islam (al-Tabari, 1985).

Ebit Lew memperincikan pendekatan dakwah kepada empat jenis *thoriqah dakwah*. Yang pertama ialah *dakwah qauliyah* yang bererti dakwah secara lisan (*dakwah bil lisan*) (Ab. Aziz, 1999). Gerakan dakwah Ebit Lew terhadap asnaf dilaksanakan dengan menyampaikan ucapan, syarahan agama dan diskusi forum di khalayak ramai. Penyebaran dakwah melalui media cetak telah lama dimanfaatkan dalam sejarah ketamadunan dan peradaban manusia di mana ilmu dipelajari dan disebar luaskan sebelum ketibaan era teknologi maklumat. Ebit Lew yang mengabdikan seluruh hidupnya untuk sarana dakwah turut tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam *dakwah kitabiyah* yakni berdakwah melalui penulisan dan mata pena. Penulisan dakwah Ebit Lew diperluaskan dengan memanfaatkan semua peluang dan ruang yang ada dalam media baru yang berteraskan penggunaan internet. Menurut Ab. Aziz (2001), penggunaan media sosial dalam penyebaran dakwah menjadi medium pelengkap kepada media massa memandangkan ciri-cirinya yang lebih interaktif bagi menggantikan cara lama yang lebih bersifat konvensional.

Ebit Lew menyeimbangkan perjalanan dakwah beliau dengan sentiasa menghidupkan *dakwah fi 'liyah*. *Fi 'liyah* berasal daripada kata dasar *fi 'l* yang didefinisikan sebagai kata kerja yang merujuk kepada perbuatan, tindakan atau perlakuan. Maka, *dakwah fi 'liyah* adalah segala bentuk gerak-geri yang dilakukan untuk mencapai tujuan dakwah itu sendiri. Metodologi dakwah seperti ini juga dikenali sebagai *dakwah bil hal* yang dapat dibangunkan dari sudut akhlak, khidmat dan prasarana (Azizul Azra Abdul Razak et al., 2018).

Tidak sempurna sesuatu perlaksanaan dakwah apabila kebajikan golongan yang didakwahkan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya sama ada dari aspek rohani atau jasmani (Ab. Aziz, 1999). Oleh itu, tanggungjawab membantu golongan yang memerlukan lebih-lebih lagi kepada golongan asnaf yang lemah menjadi salah satu agenda dakwah Ebit Lew. Khidmat bantuan sosial bukan hanya dihulurkan kepada mereka yang daif malah turut diperluaskan kepada individu-individu yang terkesan akibat penularan wabak, bancana alam dan kecelakaan seperti kebakaran dan kemalangan jalan raya.

Tuntasnya pendekatan dakwah di atas dapat diterjemahkan secara praktikal melalui pendekatan berikut:

Pendekatan Kebudayaan

Pendekatan dakwah yang dipilih tidak dapat lari daripada mempertimbangkan kemaslahatan golongan sasaran serta suasana persekitaran yang menyelubungi hidup mereka. Ebit Lew menggunakan pendekatan kebudayaan dalam menjalankan dakwah terhadap golongan asnaf. Pendekatan kebudayaan ini amat sesuai diamalkan di negara kita yang terdiri daripada pelbagai ras, keturunan, bangsa dan agama. Amalan kebudayaan yang dipraktikkan adalah bergantung kepada kepercayaan, norma dan adat resam sesuatu suku kaum yang boleh berubah dan sentiasa berkembang. Skop kebudayaan bagi rakyat Malaysia adalah begitu luas sehingga membolehkan penyebaran dakwah dilaksanakan melalui mana-mana tradisi seperti perayaan, perkahwinan dan kesenian. Pendekatan kebudayaan dalam dakwah didapati lebih berkesan kerana jurang antara pendakwah dengan golongan yang memerlukan dapat dikurangkan dan sekaligus mengelakkan rasa rendah diri yang menghalang mereka daripada didakwahkan.

Pendekatan Ziarah

Ebit Lew amat konsisten dalam menjalankan ziarah dan lawatan ke rumah-rumah fakir dan miskin di seluruh negara. Beliau mempunyai inisiatif sendiri untuk menjelaki rumah-rumah usang dan dhaif di kawasan-kawasan pedalaman serta cepat memberikan respon kepada mana-mana individu yang memberikan maklumat tentang keluarga yang perlu dibantu. Beliau suka bertanya khabar dan cuba menyelami kesukaran hidup yang dilalui oleh golongan yang kurang bernasib baik dengan bersandarkan kepada pengalaman hidup beliau sendiri. Sifat empati yang dimiliki menyebabkan beliau lebih berupaya untuk merasai keperitan hidup orang lain dengan meletakkan diri beliau di tempat mereka. Beliau sentiasa melihat kebaikan di sebalik bebanan hidup yang ditanggung oleh orang-orang miskin, anak-anak yatim, golongan orang kelainan upaya (OKU), para ibu tunggal dan warga emas.

Pendekatan Perayaan

Sambutan perayaan yang diraikan oleh masyarakat berbilang kaum dapat mencerminkan budaya toleransi dan perpaduan di negara kita. Begitulah kehadiran Ebit Lew di perkampungan Cina di Ulu Yam, Selangor menjelang sambutan Tahun Baru Cina (Ebit Lew Supporters, 8.2.2021). Warga tua yang ditemui dianggap seperti ibu dan bapa sendiri. Persamaan darah keturunan mengeratkan persaudaraan sesama mereka walaupun berbeza pegangan agama. Masyarakat Cina yang dijumpai di Sungai Sayong, Renggam Johor pula dirasai seperti ahli keluarga sendiri (Ebit Lew Supporters, 12.2.2021). Beliau menyelami masalah yang dihadapi oleh para penduduk di sana serta membuka ruang kepada penyelesaian. Sami-sami di Tokong Wat Nikrodharam, Alor Setar turut diziarahi bagi berkongsi kasih saying (Ebit Lew Supporters, 17.2.2021). Usaha beliau mencari titik kesefahaman dengan tokoh-tokoh agama lain amat dihargai di sebalik segala perbezaan identiti dan kepercayaan.

Pendekatan Sumbangan Dan Bantuan

Selain itu, kehadiran Ebit Lew dalam memperkasakan pendidikan anak-anak asnaf menjadi pelengkap kepada segala bentuk bantuan dan sumbangan sedia ada. Rata-rata bantuan yang ditawarkan oleh badan-badan kerajaan dan swasta selama ini menggunakan kaedah konvensional yang menuntut agar permohonan dilakukan sendiri oleh pemohon. Taraf kelayakan mereka akan dinilai sebelum bantuan yang diperuntukkan disalurkan. Kesannya, mereka terpaksa menunggu dalam suatu tempoh tertentu sebelum urusan pendidikan anak-anak mereka dapat disempurnakan. Berbeza dengan pendekatan Ebit Lew yang mengambil inisiatif sendiri menjelaki keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik untuk membayai pendidikan anak-anak mereka secara percuma dan serta-merta. Pendekatan dakwah dalam pendidikan yang diterajui oleh beliau amat mudah dan menyenangkan semua pihak yang menerima tanpa perlu melalui apa-apa prosedur atau proses yang rumit.

Di Kuantan, anak-anak asnaf yang ditemui dilayan seperti anak-anak beliau sendiri (Ebit Lew Supporters, 30 September 2020). Beliau menanamkan cita-cita yang tinggi dalam diri mereka agar tidak berputus asa dalam pelajaran walaupun dihimpit dengan kemiskinan dan kesukaran hidup. Beliau menawarkan pengajian di madrasah agar mereka berjaya menghafal Al-Quran dan menjadi imam besar suatu hari nanti. Kesinambungan daripada itu, ibu bapa mereka tidak perlu berasa bimbang mengenai perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka. Perhatian yang sewajarnya ditumpukan kepada proses pembelajaran ke arah kecemerlangan akademik yang lebih menjamin masa depan. Perkara yang sama turut dilakukan di Klang dan Johor Bahru (Ebit Lew Supporters, 16 Oktober 2020). Beliau berbesar hati membawa anak-anak yatim dan kurang bernasib baik membeli-belah barang-barang keperluan termasuklah pakaian persekolahan seperti jubah dan serban. Seterusnya, urusan penghantaran dan kemasukan ke madrasah terpilih diselesaikan pada hari yang sama.

Bagi memastikan agar bantuan kepada para pelajar yang memerlukan dapat diagihkan dengan mudah dan pantas di seluruh negara, Ebit Lew mempromosikan pelbagai jenis kemudahan pendidikan di laman-laman sosial miliknya. Beliau mengemukakan pemberian sebanyak 100-tab untuk pembelajaran secara atas talian yang menjadi suatu keperluan sepanjang PKP dikuatkuasakan (Ebit Lew Supporters, 21 Januari 2021). Selain itu, 1000 pasang cermin mata berjumlah RM 200 ribu ditawarkan kepada murid-murid yang kurang berkemampuan daripada senarai sekolah-sekolah yang terpilih (Ebit Lew Supporters, 1 Mac 2021). Permohonan boleh dilakukan melalui pihak sekolah dengan menghubungi talian yang diberikan agar penerima yang benar-benar layak dapat diberikan keutamaan dan disenarai pendekkan. Apabila segala tuntutan yang diperlukan oleh seseorang pelajar berjaya ditunaikan, maka peluang pendidikan anak-anak fakir, miskin dan yatim dapat disempurnakan ke arah kecemerlangan intelektual yang mencorakkan masa hadapan.

Pendekatan Psikologi

Ebit Lew sangat menonjol dengan pendekatan psikologi yang digunakan dalam memperjuangkan nasib golongan asnaf termasuk masyarakat bukan Islam yang hidup dalam serba kekurangan. Bertepatan dengan maksud psikologi yang merujuk kepada kajian secara saintifik mengenai perlakuan dan proses-proses minda, beliau tampil dengan pendekatan psikologi dalam kerangka dakwah yang diusahakan. Menurut Olusola Ayandele, psikologi berupaya merungkai dan menjelaskan tingkah laku manusia serta jangkaan yang dapat dikenal pasti dalam mengubah sikap kepada ciri-ciri manusiawi yang lebih baik. Terdapat pelbagai pendekatan psikologi seperti pendekatan behaviorisme, psikoanalitik, kognitivisme, humanistik dan biologi (Ayandele, 2016). Terdapat pelbagai pendekatan psikologi seperti pendekatan behaviorisme, psikoanalitik, kognitivisme, humanistik dan biologi (McLeod, 2022). Justeru, Ebit Lew memanfaatkan segala kelebihan yang ada untuk membangunkan perspektif dalam individu secara bersasar.

Pendekatan Behaviorisme

Melalui pendekatan behaviorisme, Ebit Lew banyak melakukan pemerhatian di kawasan-kawasan pedalaman, lorong-lorong gelap serta di tengah-tengah bandaraya. Penelitian yang dilakukan mendapati kebanyakan masalah sosial didorong oleh faktor persekitaran. Masalah kesempitan hidup yang dilalui ialah sejenis rangsangan yang akan mencetuskan suatu tindak balas yang lain seperti keciciran dalam pelajaran, masalah tingkah laku dan jenayah. Apabila sesuatu keadaan yang mempengaruhi manusia berjaya dikawal maka, tindak balas dengan perlakuan tertentu dapat diperhatikan (Johnson, 2014). Oleh itu, Ebit Lew menyediakan suatu bentuk alternatif yang lain bagi menggantikan stimulus sedia ada kepada mereka yang terkesan dengan pemberian yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi. Sumbangan yang

disalurkan akan menimbulkan suatu bentuk penerimaan dalam kalangan asnaf untuk berubah ke arah pembaharuan sikap yang lebih baik.

Pendekatan Psikoanalitik

Pendekatan psikoanalitik pula menjadi kesinambungan kepada pendekatan behaviorisme di mana tahun-tahun terawal kelahiran merupakan tempoh kritikal kepada pembentukan psikologi seseorang. Menurut Sigmund Freud, tingkah laku manusia ditentukan oleh corak pemikiran, perasaan kebimbangan dan pengharapan secara tidak sedar yang melatari perilaku normal atau tidak normal seseorang (Rucks, 2015). Kerisauan dan kekhawatiran hidup yang selama ini cukup sinonim dengan golongan asnaf akan kekal sepanjang hayat jika tidak dirawat. Sejajar dengan itu, Ebit Lew berusaha menghentikan kitaran hidup sedemikian dengan memperuntukkan segala kelengkapan atas bagi keluarga-keluarga dhaif yang ditemui. Beliau berhasrat untuk menyediakan kehidupan yang lebih selesa bagi menyokong tumbesaran anak-anak mereka di samping meningkatkan taraf hidup untuk jangka masa panjang.

Pendekatan Kognitif

Selain itu, Ebit Lew menyedari akan kepentingan pendidikan formal bagi menyokong proses pemikiran anak-anak fakir, miskin dan yatim piatu. Berdasarkan pendekatan kognitif, apabila penekanan yang sepatutnya diberikan kepada proses-proses mental, maka seseorang individu boleh belajar dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan (Grider, 1993). Tindakan beliau menguruskan persekolahan anak-anak asnaf membolehkan mereka berfikir secara kritis dan kreatif, menganalisis, menaakul dan menyelesaikan masalah. Pengalaman semasa di alam persekolahan berpotensi untuk membimbing anak-anak asnaf menghadapi cabaran yang lebih besar di hari muka. Tanpa pengalaman hidup yang secukupnya, mereka akan terdedah kepada pelbagai kesukaran ketika menginjak alam dewasa seperti melalui alam pekerjaan dan menguruskan kehidupan berumah tangga kelak.

Pendekatan Misi Kemanusiaan

Bantuan misi kemanusiaan yang dipelopori oleh Ebit Lew turut diperluaskan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan banjir, kemalangan jalan raya dan kebakaran. Ebit Lew sentiasa bertanya khabar dan cuba menyelami isi hati mereka berkenaan musibah yang melanda sama ada kehilangan nyawa, kekurangan harta benda dan lain-lain. Beliau menyedari bahawa setiap insan mempunyai potensi untuk dibangunkan di sebalik pelbagai ujian hidup yang dilalui. Dengan berbekalkan pengalaman beliau sebagai pakar runding di *Transform Training & Consultancy*, beliau sering memberikan galakan dan kata-kata semangat buat keluarga mangsa agar tabah menghadapi ketentuan Allah SWT. Program ziarah yang dilaksanakan turut dilengkapi dengan sumbangan peribadi sebagai suatu bentuk sokongan psikologi buat mereka.

KESAN PENDEKATAN DAKWAH EBIT LEW TERHADAP GOLONGAN ASNAF

Kesan perjuangan Ebit Lew terhadap golongan asnaf di Malaysia dapat dibahagikan kepada kesan bantuan dari sudut fizikal, psikologi dan spiritual. Ekoran bantuan fizikal atau bantuan sara hidup yang disasarkan kepada golongan fakir dan miskin di negara kita telah dapat meningkatkan dan memperbaiki kualiti hidup mereka. Menyedari bantuan bukan tunai seperti pemberian modal bisnes dan alat perkakas adalah lebih bersifat produktif dan lebih menguntungkan untuk jangka masa panjang, sumbangan Ebit Lew tidak terhad kepada wang tunai semata-mata. Dengan itu, golongan asnaf dapat berdikari untuk mencari sumber pendapatan secara tekal agar mereka mampu keluar daripada belenggu kemiskinan. Jika sebelum ini mereka mengharapkan bantuan ihsan daripada orang ramai, kini mereka mampu berdiri di atas kudrat mereka sendiri dengan sekurang-kurangnya dapat mencukupkan barang keperluan harian.

Menurut Burnel dan Galster (1992), kualiti hidup dapat diukur melalui sejauh mana seseorang mencapai tahap kepuasan dari aspek pemakanan, pembelajaran, kesihatan, kediaman dan estetika. Tidak dinafikan faktor pendidikan yang rendah sedikit sebanyak mempengaruhi kualiti hidup individu selain faktor jumlah pendapatan dan bilangan tanggungan (Hairunnizam Wahid et al, 2004). Jumlah pendapatan pula amat berkait rapat dengan tahap kesihatan di mana penyakit kronik yang dihidapi turut membataskan keupayaan mereka untuk keluar bekerja. Oleh itu, Ebit Lew sedaya upaya menyeimbangkan kedua-dua aspek di atas dengan menghulurkan bantuan biasiswa dan membekalkan bantuan kesihatan seperti kerusi roda dan katil hospital kepada setiap keluarga yang memerlukan agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup secara menyeluruh demi masa depan yang lebih terjamin.

Pendekatan psikologi dakwah Ebit Lew banyak memberi dorongan kepada golongan asnaf dalam menangani cabaran dan kesulitan hidup dengan kekuatan emosi yang seterusnya dapat menjana perubahan tingkah laku atau sikap yang lebih idealistik. Penghijrahan dari sudut akhlak dan sahsiah menjadi sasaran terpenting dakwah bagi menyuburkan pembentukan sikap yang lebih dinamik. Oleh itu, masyarakat mukmin yang proaktif dapat direalisasikan yang berpotensi untuk memperbaharui nasib kehidupan mereka sekeluarga di samping menambah nilai di sisi agama. Menurut Nur Najwa Hanani Abd Rahman et. al (2019), psikologi dakwah bukan sekadar membahaskan perilaku dan sikap seseorang malah menyeru manusia agar menumpukan aspek-aspek kerohanian dengan kembali mengamalkan setiap ajaran Islam bagi memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Ebit Lew dilihat kerap menzahirkan rasa simpati, empati dan belas kasihan terhadap fakir dan miskin yang ditemui. Kesukaran hidup yang pernah dilalui suatu ketika

dahulu menyebabkan beliau berkongsi persamaan dengan golongan asnaf yang dibantu. Di sinilah terletaknya kekuatan beliau untuk memanfaatkan peluang berinteraksi dengan golongan yang kurang bernasib baik dengan menyampaikan nasihat yang dapat membangunkan jati diri mereka lebih-lebih lagi dari sudut emosi. Sesungguhnya, apabila tuntutan emosi seseorang berjaya direalisasikan maka emosinya akan lebih tenang dan bahagia kesan langsung daripada rangsangan dan galakan dari sudut emosi yang diberikan (Abd Aziz Mohd Zin, 1999). Emosi yang stabil dan sejahtera akan memberi impak langsung kepada seluruh tindakan agar mempunyai kecenderungan yang tinggi menurut panduan al-Quran dan al-Hadith.

Kesan perjuangan Ebit Lew terhadap golongan asnaf juga dapat dianalisis dari sudut pembangunan spiritual memandangkan bentuk bantuan sebegini lebih besar impaknya malah lebih kekal untuk disuburkan dalam peribadi seseorang muslim. Di sebalik pelbagai mehnah dan ujian hidup yang datang silih berganti, beliau tetap mengajak kumpulan sasaran yang dibantu agar bersegera ke arah penyucian jiwa (*tazkiyyah al-nafs*). Hal ini demikian agar segala bentuk keimbangan atau kegelisahan yang menyelubungi hidup mereka dapat dirawat dan seterusnya membawa jiwa mereka ke arah kedamaian yang hakiki. Jiwa akan kembali tenang apabila diri sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT di samping meninggalkan segala kemungkaran yang ditegah oleh agama. Proses pembersihan rohani merupakan suatu proses yang berterusan sehingga kita kembali kepada Maha Pencipta suatu hari nanti.

Bagi merealisasikan konsep *tazkiyyah al-nafs*, salah satu cara yang boleh dipraktikkan menurut al-Quran adalah dengan melatih diri dan mendidik jiwa agar tahan dengan ujian hidup. Saranan ini bertepatan dengan surah Ali-Imran (3) ayat 186:

﴿لَتُبَتَّلُونَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذْهَى كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَنَتَقْوَا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأَمُورِ﴾

“Kamu pasti akan diuji dengan hartamu dan dirimu. Dan pasti kamu akan mendengar banyak hal yang sangat menyakitkan hati daripada orang-orang yang diberi kitab sebelum kamu dan daripada orang-orang musyrik. Sekiranya kamu bersabar dan bertakwa, maka sesungguhnya yang demikian itu termasuk urusan yang patut diutamakan.”

Dengan menghayati ayat di atas, akan timbulah kesedaran bahawa dunia ialah tempat ujian semata-mata. Akhlak yang dizahirkan semasa berhadapan dengan ujian tersebut akan menentukan kedudukan seseorang di sisi Allah SWT sama ada kita menunjukkan sifat yang rendah dan hina atau menonjolkan keperibadian yang tinggi dan mulia. Di sinilah terletaknya kunci kepada ketenangan hati agar sentiasa luhur dan bersih daripada sebarang kenistaan dan kejelikan yang dapat merosakkan pahala seseorang.

Oleh sebab itu, tidak hairanlah Ebit Lew sentiasa memperingatkan agar setiap jiwa perlu sentiasa dihubungkan dengan Zat Yang Maha Esa melalui pelbagai amalan ketaatan dan kesolehan demi mengecapi redha-Nya.

KESIMPULAN

Kehadiran Ebit Lew dalam persada dakwah tanah air sangat menonjol dalam perjuangannya membela nasib golongan asnaf bagi meningkatkan kelangsungan terhadap keupayaan ekonomi mereka. Ketokohan beliau membantu golongan fakir dan miskin banyak memudahkan urusan kehidupan mereka dan tanggungan bagi memenuhi keperluan makanan, pakaian dan tempat tinggal di samping menerima kemudahan pendidikan, perubatan dan pengangkutan yang sewajarnya. Sokongan spiritual dan motivasi turut diberikan sebagai salah satu galakan yang boleh menaikkan semangat golongan asnaf agar tidak berputus asa dalam menjalani kehidupan yang mencabar dengan berpandukan Al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Dengan itu, selain Ebit Lew dapat memperbaiki taraf hidup mereka dan meningkatkan sumber pencarian yang lebih menjamin masa hadapan, kualiti peribadi muslim turut dipupuk agar mencapai keseimbangan bagi kesejahteraan hidup dunia ni dan ukhrawi. Perjuangan Ebit Lew kini menjadi suatu keperluan apabila merujuk kepada situasi semasa negara apabila pertambahan bilangan orang yang jatuh miskin semakin mendadak setelah fasa pandemik COVID19. Beliau memperluaskan misi kemanusiaan dengan mendekati juga masyarakat *non-muslim* dan menyantuni mereka. Beliau turun ke lapangan untuk menjelaki pelbagai lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik serta menghulurkan sumbangan sebagai salah satu kewajipan dakwah yang mesti ditunaikan. Hakikatnya, segala ikhtiar yang dilakukan oleh Ebit Lew wajar dihargai malah berpotensi untuk menjadi sumber inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia amnya dan semua masyarakat Islam khususnya agar turut sama menyumbang. *Dakwah bil hal* sebegini secara zahirnya mempunyai dorongan praktikal yang lebih berkesan bagi memperkenalkan Islam secara realiti melalui bantuan kemanusiaan sejagat seperti yang sedang dibangunkan oleh Ebit Lew.

RUJUKAN

Al-Quran Karim

Abd Aziz Mohd Zin. (1999). *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

_____. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 8.

- Abdul Manam Mohamad Al-Merbawi. (2019). *Jalan Taqarrub Kepada Allah SWT*. Diakses 5 Jun 2022, <https://muftins.gov.my/2019/04/19/tazkiyat-al-nafs-jalan-taqarrub-kepada-allah-s-w-t/>
- Astro Awani. (15 Ogos 2020). *Hari Belia Negara 2020: Dekad Ini Dekad Anda* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=XHkeGTauN6w>
- Ayandele, Olusola. (2016). *Basic Psychology*. Ibadan, Nigeria: Hope Publications Ltd.
- Azizul Azra Abdul Razak & Mohd. Hisyam Abdul Rahim. (2018). *Falsafah Dakwah Bil Hal: Menurut Perspektif Al-Quran*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, e-ISSN: 2289-8042. Pusat Pengajian Umum & Ko-kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Burnell, J.D dan Galster, G. (1992). Quality of Life and Urban Size: An Empirical Note. *Urban Studies* (29), 727-735.
- Grider, Clint. (1993). *Foundations of Cognitive Theory: A Concise Review*. Diakses 1 Mac 2022, <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED372324.pdf>
- Nik Amar [facebook.com/datonikamar]. (2020, Mei 14). Kebaikan yang tidak berakal akan mencetuskan fitnah yang berangkai. Facebook. <https://www.facebook.com>
- Ebit Lew. (2018). *11 Amalan Memiliki Kekayaan*. Bangi, Selangor: Transform Publication.
- Ebit Lew. (2021). *Saya Pernah Tidur di Masjid, Pernah Tidur Atas Guni. Duit Gaji Bagi Dekat Emak Semua*. Diakses 24 Februari 2021, <https://www.facebook.com/ebitlew>
- Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (30 September 2020). Telegram. <https://telegram.org>
- Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (4 Oktober 2020). Telegram. <https://telegram.org>
- Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (16 Oktober 2020). Telegram. <https://telegram.org>

Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (21 Januari 2021). Telegram.
<https://telegram.org>

Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (2 Februari 2021). Telegram.
<https://telegram.org>

Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (8 Februari 2021). Telegram.
<https://telegram.org>

Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (12 Februari 2021). Telegram.
<https://telegram.org>

Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (17 Februari 2021). Telegram.
<https://telegram.org>

Ebit Lew Supporters [t.me/TeamEbitLew]. (1 Mac 2021). Telegram.
<https://telegram.org>

Fatin Farhana Ariffin. (2020). *Menunjuk-nunjuk Ada Sebab – Ustaz Ebit Lew*. Diakses 10 April 2022,
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/12/761433/menunjuk-nunjuk-ada-sebab-ustaz-ebit-lew>

Fuadah Johari. (2004). *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka*. (Tesis Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 155.

Huda Hussain. (2020). *Ustaz Kenapa Tolong Orang Begitu Begini? Ada Yang Berkata Teruk, Tak Bagus, Tak Baik – Ustaz Ebit Lew*. Diakses 10 April 2022,
<https://gempak.com/intrend/> ustaz-kenapa-tolong-orang-begitu-begini-ada-yang-berkata-teruk-tak-bagus-tak-baik-ustaz-ebit-lew-45355

IKIM FM. (2 Disember 2012). Ku Mengharapkan Pengampunan Mu Ya Allah. YouTube. <https://youtu.be/39EYGVXF9h0>

Johnson, Andrew P. (2014). *Education Psychology: Theories of Learning and Human Development*. Washington, DC: National Science Press.

- McLeod, Saul. (2022). *Simply Psychology*. Diakses 27 Februari 2022, <https://www.simplypsychology.org/behaviorism.html>
- MyBuzz. (2020, Disember 20). *AME2020 Ebit Lew – Anugerah WIRA*. YouTube. <https://youtu.be/SJPY6K-kwi4>
- Norzita Jamil dan Siti Halijah Che Mat. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. Pusat Pengajian Ekonomi dan Kewangan, UUM.
- Nurazynie Herman. (2019). *Kemiskinan Multi Dimensi: Pengkategorian Kemiskinan Golongan B40 di Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman et al., (2019). Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Menangani Masalah Saudara Baru. *Seminar Serantau Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk*, Persatuan Ulama' Malaysia, 276.
- Rucks, Erics. (2015). *Sigmund Freud's Theories of Personality*. Diakses 1 Mac 2022, <http://www.polsci.tu.ac.th/singmund1.pdf>
- Syed Azwan Syed Ali. (2020). *Zulkifli Nak Jumpa Ebit Lew*. Diakses 14 Mac 2021, <https://alhijrahnews.com/zulkifli-nak-jumpa-ebit-lew/>
- Al-Ṭabarī, Sulayman Ahmad bin Ayub Abū al-Qāsim. (1985). *al-Mu'jam al-Ṣaghīr al-Ṭabarī*. Beirut: Dar Amma.